



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جِبَاتر خال الالوال اكلام الاسلام نكركابا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

03 REJAB 1446H/ 03 JANUARI 2025M

MEMBINA CITA-CITA MENGGAPAI MARDATILLAH

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ:

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

﴿ال عمران: 140﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala apa yang ditegah. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba-Nya yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Hari ini merupakan Jumaat minggu pertama kita berada di tahun baharu. Khatib turut menyedari bahawa sidang Jemaah sekalian sudahpun membuat penilaian dan pencapaian di sepanjang tahun lalu seterusnya menanam cita-cita mahupun azam baharu di tahun 2025 ini. Justeru

khatib ingin membicarakan khutbah yang bertajuk: **“MEMBINA CITA-CITA MENGGAPAI MARDATILLAH”**

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Tahun 2024 telahpun melabuhkan tirainya, apa sahaja yang berlaku sepanjang tahun tersebut, seharusnya banyak perkara yang dapat kita muhasabahkan. Ini bertujuan untuk mengislahkan kehidupan yang mendatang dengan lebih cemerlang dan gemilang.

Warna-warni, suka-duka dan pelbagai peristiwa yang berlaku sepanjang 2024, itulah putaran hidup yang terpaksa kita lalui. Benarlah firman Allah SWT menerusi surah ali-‘Imran, ayat 140:

... وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ ...

Maksudnya: “...*Dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), kami gilirkan dia antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran)...*”

Dalam menapak ke hadapan pada 2025 ini, sudah semestinya kita mempunyai hasrat, harapan untuk bertambah baik dalam meniti kehidupan. Justeru, tatkala kita dikurniakan nikmat, maka wajib kita zahirkan kesyukuran kepada Tuhan. Sebaliknya jika diuji dengan sedikit musibah, maka hendaklah dia bersabar. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Suhaib R.A, Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:** “*Amat menakjubkan urusan orang yang beriman kerana setiap urusannya adalah baik, dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada orang beriman. Jika dia mendapat sesuatu yang menyenangkan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Dan jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya.*” (H.R Muslim (7692)

Kita disarankan bermuhasabah untuk mengislahkan diri ke arah yang lebih baik di tahun ini. Daripada baik kepada lebih baik dan daripada lebih baik kepada terbaik. Inilah manusia yang mendapat laba dan keuntungan dalam kehidupan.

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Setiap orang akan dipertanggungjawabkan atas apa yang diamanahkan kepadanya, baik dalam ajaran Islam mahupun dalam kehidupan sehari-hari. Kita perlu ada matlamat atau membina cita-cita sebagai azam baharu yang ingin dicapai apabila memasuki fasa tersebut.

Dalam Islam, setiap orang adalah pemimpin dan pengurus bagi segala urusan yang diamanahkan kepadanya. Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang mafhumnya antara lain **menyebut** *“Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinannya”* (Muttafaqun ‘alaih)

Andai kita seorang pemimpin, tidakkah kita terpanggil untuk membuka ruang fikir melakukan *check-list* terhadap segala amanah dan tanggungjawab yang dilakukan sepanjang tahun. Adakah segala keperluan orang di bawah pimpinan kita sudah ditunaikan dengan sebaik mungkin. Adakah kita sudah mengusahakan daya upaya yang termampu untuk menampilkan perwatakan sahsiah selaku seorang pemimpin yang berwibawa lagi disegani? Apakah segala janji yang dibuat sudah dikotakan dengan sebaiknya?

Demikian juga seandainya kita selaku ibu bapa, periksa semak tanggungjawab sebagai ibu dan bapa, wajib sentiasa diteliti supaya segala kekurangan dan kealpaan sepanjang tahun ini dapat dikenal pasti bagi membuat penambahbaikkan. Dengan melakukan muhasabah diri menjelang kehadiran tahun baharu ini akan menjadi 'penyedar' kepada

segala kesilapan lalu dan sebagai 'pencetus' untuk memperbaiki reputasi diri.

Begitulah juga tanggungjawab individu dalam masyarakat. Hubungan baik dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini harus diharmonikan dan dipelihara. Aspek ini tidak boleh dijadikan taruhan oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda peribadi atau agenda kelompok yang tersendiri. Perlu ada rasa belas kasihan kepada rakyat yang inginkan keamanan dan kestabilan negara agar berpeluang untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan rasa selamat dan terjamin. Cukuplah kekacauan dan konflik di negara-negara asing sebagai pengajaran kepada kita. Kesantunan insan dalam mengurus perbezaan dalam masyarakat pelbagai agama dan bangsa di negara ini perlu dititikberatkan. Justeru pendekatan integrasi yang menjadi tunjang kepada agenda perpaduan negara membolehkan masyarakat berbilang bangsa dan agama untuk hidup bersama-sama dalam suasana yang harmoni.

Ini adalah sebahagian daripada tanda kebesaran Allah SWT yang menjadikan alam ini dan penghuninya dalam pelbagai rupa dan bangsa. Perkara ini jelas dinyatakan dalam al-Quran menerusi firman-Nya dalam surah Hud, ayat 118 :

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾

Yang bermaksud: *“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut ugama yang satu. (Tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus menerus berselisihan.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI,

Setiap orang pasti ada azam tahun baharu tersendiri yang perlu dicapai. Sebagai umat Islam kita harus sentiasa berusaha mengubah diri menjadi lebih baik dan berkualiti.

Sedaya upaya lakukan beberapa perkara agar kita menjadi Muslim berkualiti dengan menitikberatkan beberapa perkara yang boleh kita laksanakan meskipun sedikit akan tetapi konsisten dilakukan seperti :

Pertama: Cari masa dalam sehari untuk men”*tadabbur*” atau merenungi dan memahami isi kandungan ayat al-Quran. **Kedua:** Tingkatkan Ibadah dan perbanyakkan Ilmu. Berusahalah untuk meningkatkan kualiti solat sama ada secara berjemaah mahupun fardi. Perkukuhkan hubungan dengan Allah SWT melalui zikir, doa dan sebagainya di samping menimba ilmu agama dengan melazimi hadir ke majlis-majlis yang diadakan. **Ketiga:** Melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan yang mendatangkan manfaat serta kebaikan bersama dengan menampilkan akhlak-akhlak mulia seperti jujur, menepati janji dan memperkukuh jalinan silaturrahim dan yang **keempat:** Refleksi diri secara berkala kerana ia boleh membantu menilai pencapaian dan perkembangan diri serta kerohanian. Kenal pasti di mana perlukan perubahan dan peningkatan agar setiap hari semakin baik. Adapun tujuan utama dalam kita bercita-cita untuk melakukan perubahan atau azam tersebut semestinya ingin menggapai “*Mardatillah*”, yakni reda Allah SWT semata-mata. Allah SWT berfirman menerusi surah al-Baqarah, ayat 207:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِى نَفْسَهُ أُتْبَغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَعُوفٌ بِالْعِبَادِ

Yang bermaksud : *"Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah semata-mata; dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hamba-Nya."*

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Menyimpul khutbah minggu ini, sekali lagi khatib ingin menyeru agar marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT serta melaksanakan sunnah Rasulullah SAW dalam melayari bahtera kehidupan di sepanjang tahun ini. Rebutlah dan pergunakanlah peluang yang masih ada sebaik-baiknya agar kita beroleh keampunan dan reda Allah di akhirat kelak.

Dengan menginsafi diri, semua dari kalangan kita mahu menjadi orang yang cerdik, bijak dan beruntung dalam kehidupannya. Daripada Syaddad bin Aus R.A, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Maksudnya: *“Orang yang cerdik, siapa yang merendahkan dirinya dan beramal untuk bekalan selepas mati. Sedangkan orang yang lemah, siapa yang mengikut hawa nafsunya dan hanya bercita-cita kepada Allah.”* (H.R al-Tirmizi (2459) dan Ibn Majah (4260)

Justeru meraih reda Allah SWT perlulah menjadi keutamaan dalam kita menggapai apa yang dicita-citakan. Ianya dapat dicapai melalui Iman, amal soleh dan ketakwaan kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.